



07 APR, 2026

Pelaburan TNB sokong matlamat Net Zero

Suara Sarawak, Malaysia



Pelaburan TNB sokong matlamat Net Zero

KUALA LUMPUR: Hong Leong Investment Bank Bhd (HLIB) mengekalkan pandangan positifnya terhadap pelaburan strategik Tenaga Nasional Bhd (TNB) dalam Spark Renewable Energy (RE) di Australia, yang memperkukuh komitmen syarikat itu terhadap matlamat Net Zero 2050.

Dalam satu nota, HLIB berkata sama seperti Vantage

RE di United Kingdom, Spark RE menjadi leverage penting bagi TNB untuk memperluas aset tenaga boleh baharu (TBB) di luar Malaysia, sambil menyediakan platform pembelajaran yang kukuh untuk memacu visi negara mencapai Net Zero 2050.

Katanya aset TBB itu dijangka turut mendapat manfaat daripada lonjakan

harga tenaga global baru-baru ini.

Sehubungan dengan itu pihaknya mengekalkan saranan 'beli' terhadap TNB dengan sasaran harga berdasarkan jangkaan aliran tunai masa depan, tanpa sebarang perubahan pada RM17.25.

"Syarikat utiliti ini berada pada kedudukan baik untuk mendapat manfaat daripada

pertumbuhan ekonomi yang kukuh pada 2026, disokong pelaksanaan mekanisme pulangan baru untuk perbelanjaan modal bersyarat dan kadar cukai efektif yang lebih rendah bagi tahun kewangan 2026-2027," katanya.

Pada 11.50 pagi, saham TNB meningkat empat sen kepada RM14.08 dengan 435,300 saham didagangkan. – Bernama